

SOALAN-SOALAN LAZIM
KURSUS PERSEDIAAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) SESI 2020

A. MENGENAI INTAN

1. Apakah fungsi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)?

- *INTAN adalah sebuah pusat latihan awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam yang berperanan untuk melaksanakan latihan ke arah pembangunan sikap, pengukuhan kemahiran dan pemeraksanaan pengetahuan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan, konsultasi dan penerbitan bagi melengkapkan penjawat awam dengan bakat, kebolehan dan pemikiran yang konstruktif.*

2. Di manakah lokasi INTAN Bukit Kiara?

- *INTAN Kampus Utama Bukit Kiara terletak di Jalan Bukit Kiara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(Waze: INTAN Bukit Kiara)
(Latitude: 3.140555 | Longitude: 101.649712)*

3. Bagaimana saya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai INTAN?

- *Maklumat mengenai INTAN boleh dicapai pada laman sesawang <http://www.intanbk.intan.my/> atau boleh menghubungi talian telefon 03-2084 7777.*

B. MENGENAI KURSUS PERSEDIAAN

4. Apakah matlamat kursus persediaan ini?

- *Memberi pendedahan terhadap pelbagai perspektif mengenai kaedah penyelidikan saintifik yang merangkumi kaedah kualitatif dan kuantitatif agar para peserta dapat mempersiapkan diri untuk mengikuti pembelajaran di peringkat ijazah lanjutan.*

5. Mengapakah kursus ini diadakan selama tiga (3) minggu?

- *Kursus tiga (3) minggu ini mengambil kira aspek teoritikal dan amali agar para peserta mendapat kefahaman menyeluruh untuk menjalankan penyelidikan.*

6. Apakah modul yang akan dipelajari dalam kursus ini nanti?

- Terdapat enam (6) modul Kursus Persediaan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana (secara penyelidikan) iaitu :
 - (i) Modul I: Introduction to Post Graduate Research (2 hari)
 - (ii) Modul II: Research Paradigm and Design (5 hari)
 - (iii) Modul III: Research Proposal Assessment and Clinic (4 hari)
 - (iv) Modul IV: Research Ethics and Professionalism (1 hari)
 - (v) Modul V: Research Proposal Consultation (1 hari)
 - (vi) Modul VI: Elevator Pitch and Course Evaluation (2 hari)
- Sesi penyediaan, pembentangan dan penambahbaikan kertas cadangan penyelidikan (Individu) adalah merupakan antara modul penting yang wajib dihadiri semasa kursus.
- Para peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil semasa sesi tersebut bagi membolehkan mereka mendapat peluang untuk membentangkan kertas cadangan penyelidikan masing-masing di samping mendapat pendedahan serta mempelajari daripada pembentangan peserta lain.

7. Apakah komponen yang diperlukan bagi penyediaan sesi pembentangan tersebut?

- Para peserta kursus disaran untuk mula memikirkan tajuk tentatif kajian dan menyediakan pembentangan power point berdasarkan komponen kajian seperti yang berikut:
 - Latar belakang;
 - Penyataan masalah;
 - Objektif kajian;
 - Kepentingan;
 - Skop;
 - Limitasi;
 - Sorotan literatur;
 - Metodologi kajian; dan
 - Susunatur bab.
- Para peserta juga disaran agar menyediakan salinan slaid pembentangan secukupnya bagi rujukan panel penilai.

8. Apakah bahasa pengantar yang digunakan semasa berkursus?

- Dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

9. Bagaimanakah penetapan siri kursus dilaksanakan?

- *Penetapan siri kursus ditentukan berdasarkan kepada kluster bidang pengajian.*

10. Adakah terdapat peperiksaan atau sebarang bentuk penilaian yang perlu dilaksanakan oleh peserta di dalam tempoh kursus ini?

- *Tiada peperiksaan bagi para peserta. Walau bagaimanapun, peserta perlu membuat pembentangan mengenai kertas cadangan penyelidikan individu; dan*
- *Penilaian akan dilakukan sepanjang kursus dari masa ke masa oleh pensyarah dan urus setia kursus.*

11. Bolehkah permohonan pertukaran siri kursus dibuat?

- *Pertimbangan hanya diberikan kepada peserta yang mempunyai masalah kesihatan dan perlu mendapatkan pengesahan daripada pegawai perubatan.*

12. Di manakah tempat kursus ini?

- *Kursus ini akan diadakan di INTAN Bukit Kiara melainkan sekiranya berlaku perubahan tempat. Bilik kuliah akan dinyatakan di dalam surat tawaran mengikut siri kursus; dan*
- *Tanda arah bilik-bilik kursus ada dipaparkan di laluan-laluan utama INTAN.*

13. Bilakah surat tawaran kursus diedarkan?

- *Surat tawaran kursus akan disampaikan dalam Majlis Taklimat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) pada **8 Oktober 2019**.*

14. Bilakah peserta boleh mendapatkan jadual kursus?

- *Jadual kursus akan diedarkan pada hari pertama kursus.*

C. KURSUS E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA)

15. Apakah nama dan kod kursus EPSA yang wajib diikuti peserta yang ditawarkan dalam kursus persediaan ini?

- *Terdapat dua kursus EPSA yang wajib diikuti oleh para peserta iaitu:*
 - *Research Methodology (kod ERA0004); dan*
 - *Experimental Research Design (kod ERA0006).*
- *EPSA perlu disempurnakan secara atas talian oleh para peserta selewat-lewatnya seminggu sebelum menghadiri kursus ini di INTAN.*

16. Adakah tempoh pelaksanaan kedua-dua kursus EPSA berkenaan boleh dikira kepada jumlah jam atau jumlah hari berkursus?

- *Kedua-dua kursus EPSA tersebut jika dikira mengikut jam adalah selama 12 jam atau bersamaan selama dua hari berkursus.*

17. Bilakah sijil kursus EPSA perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA?

- *Kedua-dua sijil kursus EPSA perlu dikemukakan kepada pihak BMI, JPA sebelum para peserta menghadiri kursus persediaan ini.*

18. Apakah prosedur pendaftaran pengguna EPSA INTAN untuk pertama kali?

- *Para peserta perlu melayari laman web EPSA di alamat www.epsa.gov.my dan mengikuti arahan di laman web tersebut. Jika terdapat sebarang masalah, para peserta boleh merujuk kepada meja bantuan seperti mana yang tertera pada laman web tersebut.*

D. TANGGUNGJAWAB PESERTA

19. Perlukah saya memaklumkan kepada ketua jabatan mengenai kehadiran saya ke kursus ini?

- *Ketua Jabatan perlu dimaklumkan sebelum para peserta menghadiri kursus.*

20. Berapakah yuran pendaftaran?

- Para peserta dikehendaki mendaftarkan diri pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran kursus. Bayaran tunai bagi yuran pendaftaran adalah sebanyak **RM50.00** perlu dijelaskan semasa pendaftaran. Resit pendaftaran akan diberikan pada hari akhir kursus.

21. Apakah kod etika berpakaian?

- Lelaki - Berpakaian pejabat (baju lengan panjang, bertali leher dan seluar panjang);
- Wanita - Pakaian pejabat yang bersesuaian; dan
- Berpakaian batik pada hari Khamis.

22. Apakah senarai bacaan awal untuk dirujuk?

- Berikut adalah antara buku yang boleh dijadikan rujukan para peserta kursus:

- i. Petre, M., & Rugg, G. (2010). *The Unwritten Rules of PhD Research*. McGraw-Hill Education (UK).
- ii. Ranjit Kumar (2013). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners, 4th Edition*, Sage Publications.
- iii. Uwe Flick (2011). *Introducing Research Methodology: A Beginner's Guide to Doing a Research Project*, Sage Publications.
- iv. Ho Chooi Peng (2013). *Research Methodology Manual*, INTAN.
- v. Earl Babbie (2012). *The Practice of Social Research, 13th Edition*, Wadsworth Cengage Learning.
- vi. Uma Sekaran (2013). *Research Methods for Business, 6th Edition*, John Wiley & Sons.
- vii. Douglas C. Montgomery (2015). *Design and Analysis of Experiments, 7th Edition*, John Wiley & Sons.
- viii. Neil J. Salkind (2011). *Exploring Research, 8th Edition*, Prentice-Hall.

- ix. *Johanna Moisander and Anu Valtonen (2006). Qualitative Marketing Research: A Cultural Approach, Sage Publications.*
- x. *Pranee Liamputtong and Douglas Ezzy (2005). Qualitative Research Methods, Oxford University.*
- xi. *Peter Smith (2014). The PhD Viva: How to Prepare for Your Oral Examination (Palgrave Research Skills), Palgrave Publications.*
- xii. *Rowena Murray (2015). How To Survive Your Viva: Defending A Thesis In An Oral Examination, 3rd Edition, Open University Press.*

23. Bilakah waktu berkursus?

- *Hari berkursus adalah Isnin hingga Jumaat sahaja. Tiada aktiviti pada hari Sabtu dan Ahad. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.*

24. Adakah wajib menghadiri semua modul kursus ini?

- *Kehadiran dalam semua modul kursus ini adalah wajib. Sebarang ketidakhadiran akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan.*

25. Bagaimana penilaian kursus dilaksanakan?

- *Para peserta akan dinilai berdasarkan kepada pembentangan kertas cadangan penyelidikan secara individu. Di akhir sesi kursus, hanya peserta yang menyempurnakan tugas serta hadir dengan jayanya akan diberikan Sijil Penyertaan Kursus.*
- *Surat Tawaran Tetap untuk penerima HLP dan CBBPTB daripada pihak JPA akan hanya dikeluarkan selepas para peserta mengemukakan Sijil Penyertaan Kursus.*
- *Para peserta juga wajib melengkapkan penilaian kursus INTAN Training Information and Management System (ITIMS) melalui pautan <http://10.1.3.227/itims-v3/>.*

26. Bolehkah saya menyelesaikan urusan rasmi di pejabat (seperti menghadiri mesyuarat/kursus lain/ membentangkan kertas kerja atau menjadi penceramah jemputan/panel penilai untuk sesuatu program latihan) semasa berkursus?

- *Tidak dibenarkan.*

27. Bolehkah pelepasan diberikan untuk menyempurnakan urusan peribadi semasa berkursus?

- *Tidak akan dipertimbangkan.*

28. Bolehkah saya hadir lewat ke kelas?

- *Perlu mematuhi jadual masa kursus agar perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.*

29. Bolehkah saya hadir ke temujanji dengan pihak perubatan dalam tempoh berkursus?

- *Boleh dipertimbangkan untuk rawatan bagi diri sendiri sahaja. Timeslip/ surat pengesahan daripada pegawai perubatan perlu dikemukakan kepada urus setia untuk tujuan rekod.*

30. Apakah peralatan tambahan yang perlu dibawa semasa kursus?

- *Membawa komputer riba sendiri serta sebarang peralatan seperti slide changer device bagi memudahkan proses pembelajaran dan penyediaan tugasan dalam sesi pembentangan.*

31. Apakah perisian yang perlu disediakan sebelum kursus?

- *Para peserta hendaklah menyediakan perisian SPSS (sekurang-kurangnya V.23 dan ke atas) Nvivo (sekurang-kurangnya version 10 dan ke atas) dan/atau Matlab (akan diberitahu kelak selepas hari pendaftaran kursus) pada komputer riba masing-masing. (Tenaga Pengajar yang berkaitan akan memberikan arahan selanjutnya mengenai perkara ini selepas kursus ini bermula nanti).*

32. Adakah nota kursus disediakan?

- *Nota kursus disediakan oleh para penceramah kursus melalui salinan softcopy yang boleh dimuat turun (sekiranya ada).*

E. KEMUDAHAN PENGINAPAN

33. Adakah kemudahan penginapan disediakan kepada peserta kursus?

- *Kemudahan penginapan asrama di INTAN Bukit Kiara adalah terhad dan hanya akan diberikan kepada peserta yang tinggal di luar dari Lembah Klang/Putrajaya/Cyberjaya dan Kuala Lumpur, walau bagaimanapun tertakluk kepada kekosongan. Peserta perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kemudahan penginapan asrama ini melalui e-mel **sebelum 15 Januari 2020** dengan menyatakan nama, no. kad pengenalan, alamat jabatan dan no. telefon kepada:*

Nama : **En Mohd Hafizuddin bin Mat Tazin**
No. Tel. : **03-20847339**
E-mel : **hafizuddin@intanbk.intan.my**

- *Rayuan untuk mendapatkan penginapan hendaklah dikemukakan terus kepada Unit Domestik INTAN.*

34. Bolehkah saya membawa bersama ahli keluarga/rakan menginap di asrama?

- *Tidak dibenarkan.*

F. LAIN-LAIN

35. Apakah kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh INTAN?

- *Komputer (desktop);*
- *Kemudahan jalur lebar tanpa wayar (wifi);*
- *Pusat sumber;*
- *Kemudahan sukan - kolam renang, gimnasium gelanggang sukan (sepak takraw, skuasy, tenis), padang (bola jaring, bola tampar, bola sepak);*
- *Surau (solat jumaat);*
- *Kafeteria (berbayar);*
- *Perkhidmatan percetakan/fotostat (berbayar);*
- *Parkir; dan*
- *Kedai buku.*

36. Adakah INTAN Bukit Kiara mempunyai akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam?

- *Akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam adalah terhad kepada perkhidmatan teksi sahaja dan tempahan perlu dibuat oleh para peserta sendiri.*

37. Sekiranya terdapat kemusykilan, sila hubungi urus setia seperti berikut:

Nama : **Puan Hartini binti Yahya**
No. Tel. : **03-20847377**
E-mel : **hartini@intanbk.intan.my**

Nama : **Puan Nor Baizura Binti Mohd Noordin**
No. Tel. : **03-20847366**
E-mel : **nbaizura@intanbk.intan.my**

Nama : **En Mohd Hafizuddin bin Mat Tazin**
No. Tel. : **03-20847339**
E-mel : **hafizuddin@intanbk.intan.my**

*Sub Kluster Pengajian Lanjutan
Kluster Pembangunan Kepakaran
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
INTAN Kampus Utama Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
20 September 2019*